



184. Pendaftaran Syarikat/Kontraktor

Rujukan Kepada Jabatan Teknik

184.1(a) Semua pendaftaran kontraktor kerja dikendalikan oleh CIDB mengikut kategori Bangunan (B), Kerja Awam (CE), Mekanikal (M) dan Elektrikal (E) dalam Gred berikut:

KONTRAKTOR KERJA

KATEGORI BANGUNAN/AWAM/MEKANIKAL

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja
G1	RM 200,000 dan ke bawah
G2	Melebihi RM200,000 hingga RM 500,000
G3	Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM1,000,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM3,000,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM5,000,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM10,000,000

KONTRAKTOR KERJA

KATEGORI ELEKTRIK

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja
G1	Sehingga RM200,000
G2	Sehingga RM500,000
G3	Sehingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM200,000 hingga RM3,000,000



PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN



Gred	Had Nilai Perolehan Kerja
G5	Melebihi RM200,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM200,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM200,000 dan ke atas

- 184.1(d) Semua Kementerian/Jabatan dikehendaki mempelawa hanya **kontraktor kerja yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam gred dan kategori yang berkaitan untuk mengambil bahagian di dalam urusan perolehan berkenaan.
- 184.1(e) **PKK juga mempunyai kuasa khusus untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas kontraktor yang didapati bersalah kerana melanggar syarat pendaftaran ataupun telah melakukan jenayah/mengalami tanggungan sivil serta membuat lawatan/naziran dan menjalankan pengauditan ke atas dokumen dan premis berkaitan bagi tujuan pendaftaran, pemantauan dan tindakan tatatertib.**

Pendaftaran Syarikat Bekalan Dan Perkhidmatan

- 184.2 Semua urusan pendaftaran syarikat bekalan dan perkhidmatan di Semenanjung Malaysia dikendalikan oleh Kementerian Kewangan sahaja, manakala pendaftaran **syarikat bekalan dan perkhidmatan di** Sabah dan Sarawak dikendalikan oleh Perbendaharaan Persekutuan berkenaan. Kementerian/Jabatan dikehendaki mempelawa hanya **syarikat** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (termasuk Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak) untuk mengambil bahagian di dalam urusan perolehan bekalan atau perkhidmatan kecuali perolehan yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 173.1 **dan 190(a)** sahaja.



Bayaran Pendaftaran

184.5 Bagi maksud pendaftaran yang disebutkan di atas, **syarikat**, kontraktor dan perunding hendaklah dikenakan bayaran kadar-kadar tertentu mengikut Fees Act 1951 [Act 209].